

AMNOZ TABLET

Amlodipine (5mg / 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Amnoz Tablet
2. Bagaimana Amnoz Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Amnoz Tablet
4. Cara menggunakan Amnoz Tablet
5. Semasa menggunakan Amnoz Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Amnoz Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Amnoz Tablet

Amnoz Tablet digunakan sebagai rawatan utama penyakit darah tinggi dan juga boleh digunakan sebagai rawatan utama penyakit iskemia miokardium (pengurangan pengaliran darah dalam salur darah yang membawa kepada kekurangan oksigen di dalam jantung) disebabkan oleh sakit dada yang tertentu dipanggil angina, sama ada angina stabil dan/atau *vasospasm/vasoconstriction* (angina Prinzmetal's atau varian).

Bagaimana Amnoz Tablet berfungsi

Amnoz Tablet bertindak dengan mengendurkan saluran darah supaya darah melaluinya dengan lebih mudah dan tekanan darah tinggi dapat dikurangkan. Tambahan pula, Amnoz Tablet boleh meningkatkan bekalan darah kepada otot jantung dan menerima lebih oksigen, supaya kesakitan dada dapat dicegah.

Sebelum mengambil Amnoz Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda:

- Alah atau terlalu sensitif kepada dihydropyridines, *amlodipine* atau mana-mana bahan-bahan tidak aktif.

-Sebelum mula mengambil

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mempunyai mana-mana keadaan yang berikut:

- kegagalan jantung
- fungsi hati terjejas

Jika anda hamil atau merancang untuk hamil, dan menyusukan anak, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang risiko dan manfaat menggunakan Amnoz Tablet semasa mengandung dan menyusukan bayi.

Jika anda tidak memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang mana-mana di atas, beritahu mereka sebelum anda mengambil Amnoz Tablet.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

Sesetengah ubatan dan minuman mungkin mempunyai interaksi semasa mengambil Amnoz Tablet seperti dibawah:

- jus limau gedang
- *simvastatin* (mengurangkan kolesterol yang tinggi dan penyakit jantung)
- *cimetidine* (mengurangkan ulser perut)
- *aluminium/magnesium* (antasid)
- *sildenafil* (merawat masalah fungsi seksual lelaki)
- antikulat azole, *erythromycin* atau *clarithromycin* (antibiotik), *verapamil* atau *diltiazem* (merawat darah tinggi dan angina)
- *rifampicin* (antituberculosis), *hypericum perforatum*.
- *cyclosporine* (digunakan untuk mengelakkan penolakan organ).
- *tacrolimus* (digunakan untuk mengelakkan penolakan organ).

Berunding dengan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat untuk berhati-hati atau yang boleh dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Amnoz Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Amnoz Tablet digunakan untuk pengambilan secara oral sahaja.

Dos permulaan yang biasa ialah 5mg amlodipine sekali setiap hari dan mungkin ditingkatkan kepada dos

maksimum 10mg bergantung kepada tindak balas individu untuk kedua-dua darah tinggi dan angina. Tiada penyelarasan dos amlodipine diperlukan jika menggunakan diuretic thiazide, penghalang-beta dan perencat enzim penukaran angiotensin.

Warga emas

Regimen dos normal disarankan.

Kanak-kanak

Keselamatan dan keberkesanan amlodipine terhadap kanak-kanak belum dapat dibuktikan.

Pesakit yang mempunyai masalah fungsi hati

Cadangan dos belum dibuktikan. Oleh itu, Amnoz Tablet perlu diambil dengan berhati-hati.

Pesakit yang mempunyai kegagalan ginjal

Dos normal boleh digunakan jika anda mengalami kegagalan ginjal. Tahap kegagalan ginjal tidak menjejaskan kepekatan *amlodipine* dalam darah pesakit. *Amlodipine* tidak dapat didialisiskan.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Sebaik-baiknya makan ubat pada masa yang sama setiap hari untuk elakkan dari lupa.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda mengingatnya dan teruskan pengambilan dos seterusnya seperti biasa. Jika ia sudah hampir dengan dos yang seterusnya, abaikan dos yang tertinggal itu dan teruskan pengambilan ubat seperti biasa. Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini

AMNOZ TABLET

Amlodipine (5mg, 10mg)

boleh meningkatkan risiko untuk mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke hospital terdekat jika anda ataupun orang lain mengambil dos Amnoz Tablet yang berlebihan. Doktor anda mungkin akan menyarankan penggunaan arang teraktif untuk menurunkan penyerapan *amlodipine*.

Mengambil terlalu banyak Amnoz Tablet boleh menyebabkan pelebaran saluran darah yang berlebihan dan degupan jantung menjadi cepat.

Semasa menggunakan Amnoz Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Sekiranya memerlukan rawatan lain, sila maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Amnoz Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Amnoz Tablet atau menurunkan dos kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri ubat anda kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendali mesin/jentera sehingga anda betul-betul pasti bagaimana Amnoz Tablet memberi kesan kepada anda.

Jika ubat ini menyebabkan anda pening, sakit kepala, keletihan atau mual, keupayaan untuk bertindak balas mungkin terjejas. Sila berhati-hati terutamanya apabila anda baru memulakan rawatan Amnoz Tablet.

Sila berhati-hati jika anda mengalami kegagalan jantung kongestif dan dapatkan nasihat doktor anda.

Pastikan anda mengikut nasihat doktor anda jika disyorkan pemeriksaan pada hati seperti biasa.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan termasuk Amnoz Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut selepas mengambil ubat ini:

- loya
- sakit perut
- pening
- kuat mengantuk
- sakit kepala
- berdebar-debar
- kulit kemerahan
- Badan membengkak
- keletihan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya terdapat perkara lain yang telah membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Amnoz Tablet

-Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Amnoz Tablet 5mg:

Putih ke putih kekuningan, tablet berbentuk zamrud terukir 5 dengan garisan belahan di satu permukaan dan logo Pharmaniaga di permukaan yang lain.

Amnoz Tablet 10mg:

Putih ke putih kekuningan, tablet berbentuk zamrud terukir 10 dengan garisan belahan di satu permukaan dan logo Pharmaniaga di permukaan yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

Amnoz Tablet 5mg:

- *Bahan aktif:*

Amlodipine Besylate bersamaan dengan *Amlodipine* 5mg

- *Bahan tidak aktif:*

Anhydrous Dibasic Calcium Phosphate, Microcrystalline Cellulose M112D+, Sodium Starch Glycolate dan Magnesium Stearate.

Amnoz Tablet 10mg:

- *Bahan aktif:*

Amlodipine Besylate bersamaan dengan *Amlodipine* 10mg

- *Bahan tidak aktif:*

Anhydrous Dibasic Calcium Phosphate, Microcrystalline Cellulose M112D+, Sodium Starch Glycolate dan Magnesium Stearate.

-Nombor MAL

Amnoz Tablet 5mg:

MALXXXXXXXXXX

Amnoz Tablet 10mg:

MALXXXXXXXXXX

AMNOZ TABLET

Amlodipine (5mg, 10mg)

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13/04/2021

Nombor Siri

NPRA (R2) 21/033